

Rabu, 13 Mei 2020 | 2:57pm

## Peniaga naik harga mendadak dikenakan tindakan tegas

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim dan Luqman Arif Abdul Karim  
bhnews@bh.com.my

**KUALA LUMPUR:** Peniaga sama ada pada peringkat pengeluar, pengilang, pemberong mahupun peruncit yang didapati cuba mengambil kesempatan menaikkan harga barang secara mendadak, akan dikenakan tindakan tegas.

Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, ketika mengutarkan amaran itu berkata langkah sedemikian diambil bagi membendung tindakan tidak bertanggungjawab dalam kalangan peniaga dikesan menaikkan harga menjelang musim perayaan.

Beliau berkata, sebanyak 20,572 aduan dan pertanyaan diterima melalui empat saluran utama, sejak 18 Mac lalu hingga semalam.

"Aplikasi WhatsApp merekodkan 9,152 aduan dan pertanyaan diterima sepanjang tempoh berkenaan, manakala sistem E-aduan (7,086), talian hotline (3,129) dan Pusat Kawalan Penguatkuasaan (1,205).

"Sejumlah 2,851 aduan harga dan bekalan direkodkan untuk tindakan bahagian penguat kuasa melalui sistem E-aduan," katanya pada sidang media selepas Mesyuarat Khas Menteri Mengenai Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB), di Putrajaya, hari ini.

Ismail Sabri berkata, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) menjalankan pemantauan harian terhadap 25 jenis bekalan di 1,007 premis perniagaan, termasuk 787 peruncit, 189 pemberong dan 31 pengilang, semalam.

Secara keseluruhan, beliau berkata, bekalan barang keperluan harian adalah mencukupi dan mampu menampung permintaan dalam negara yang berterusan, selain mudah diperoleh.

"Oleh itu, orang ramai dinasihatkan tidak bimbang dengan bekalan makanan dan keperluan harian sepanjang Ramadan kerana ia dijamin mencukupi.

"Kerajaan sekali lagi ingin menasihati orang ramai supaya sentiasa mengamalkan penjarakan sosial dan kebersihan diri ketika keluar membeli barang keperluan asas.

"Bagi memastikan tiada penularan semula jangkitan COVID-19, orang ramai diingatkan tidak membawa anak kecil dan ibu bapa terutama warga emas, keluar rumah jika tiada keperluan kerana mereka berdepan risiko tinggi jangkitan," katanya.



<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/05/688358/peniaga-naik-harga-mendadak-dikenakan-tindakan-tegas>